

31 JUL 2003  
Kelantan-Air

KELANTAN TOLAK SARANAN SERAH URUSAN AIR KEPADA KERAJAAN PUSAT

KOTA BAHARU, 31 Julai (Bernama) -- Kerajaan Kelantan menolak usaha kerajaan pusat untuk mengambil alih hak pengurusan serta perbekalan sumber air di setiap negeri di negara ini, khususnya Kelantan.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata langkah itu tidak sepatutnya dibuat secara menyeluruh ke semua negeri, sebaliknya hanya perlu kepada negeri-negeri yang menghadapi masalah bekalan air serta tunggakan hutang yang banyak.

"Saya terkejut dengan pengumuman itu, sedangkan tanah dan air sebenarnya adalah hak kerajaan negeri yang mutlak," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S Samy Vellu berkata semua Menteri Besar dan Ketua Menteri yang menghadiri mesyuarat Majlis Sumber Air Negara Selasa lepas bersetuju menyerahkan hak pengurusan serta perbekalan air kepada kerajaan pusat.

Menurut Samy Vellu saranan itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya sumber air negara ini boleh ditadbir oleh kerajaan pusat secara menyeluruh dan lebih efisien.

Nik Aziz berkata Kelantan memang secara dasarnya bersetuju supaya beberapa pengurusan air negeri-negeri tertentu diambil alih oleh kerajaan pusat seperti di Selangor yang menghadapi masalah sumber air yang berkurangan selain dilanda masalah hutang bernilai berbilion-bilion Ringgit.

Katanya, langkah itu bagaimanapun perlu mengecualikan negeri-negeri yang telah mempunyai pengurusan air yang baik seperti Kelantan yang tahun lepas baru sahaja mendapat pinjaman mudah sebanyak RM600 juta bagi meningkatkan mutu air negeri itu.

Beliau berkata syarikat Air Kelantan yang mengendalikan bekalan air di negeri ini mempunyai pegawai-pegawai yang berpengetahuan dan cekap menguruskan air apabila dalam tempoh setahun-dua ini mutu bekalan air di negeri itu kian meningkat.

Nik Aziz berkata Air Kelantan juga telah mula memperolehi keuntungan serta tidak mempunyai masalah untuk membayar hutang RM600 juta itu kepada kerajaan pusat apabila bayaran balik itu bermula pada 2007.

Menurutnya Kelantan lebih bersetuju jika kerajaan pusat menubuhkan sebuah konsortium bagi menyalurkan lebih air dari sesebuah negeri ke sebuah negeri yang memerlukannya kerana langkah itu lebih baik bagi membolehkan negeri pembekal mendapat royalti.

-- BERNAMA

RAR ZB